KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	18/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	PTG SEREMBAN			

HM 18.12.2021_4

TANAH RM2J GHAIB

Polis buru lelaki palsukan tanda tangan untuk pindah hak milik

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Seorang lelaki kini diburu polis bagi membantu siasatan kes penipuan penukaran nama hak milik tanah tanpa kebenaran dengan memalsukan tanda tangan pemilik tanah.

Difahamkan, mangsa menyedari tanah di atas nama syarikat miliknya ditukar kepada nama individu tidak dikenali ketika membuat semakan di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Seremban pada 15 Oktober lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Negeri Sembilan, Superintenden Aibee Ab Ghani berkata, kejadian itu menyebabkan mangsa kerugian RM2 juta.

"JSJK Negeri Sembilan ingin mendapatkan kerjasama orang ramai bagi memberikan maklumat berhubung seorang lelaki dikenali sebagai Chua Seng Keat, 61, yang dikehendaki bagi membantu siasatan sedang dijalankan.

"Mangsa seorang ahli perniagaan membuat semakan di PTG Wisma Negeri Sembilan mendapati tanah yang didaftarkan di atas nama syarikatnya ditukar milik ke atas seorang individu tidak dikenali.

"Suspek membuat tandatangan palsu di dalam dokumen berkaitan ke atas pertukaran tanah berkenaan tanpa pengetahuan pemilik tanah yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM2 juta," katanya semalam.

Beliau berkata, alamat terakhir suspek di No 9, Jalan PJU 5 20A, The Strand, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.

"Justeru itu, polis meminta suspek atau orang ramai yang mengenali lelaki berkenaan supaya menghubungi pegawai penyiasat (IO) kes, Asisten Superintendan Rosmaliah Khalit di talian 013-9443968 bagi membantu menyelesaikan siasatan yang sedang dijalankan.

"Kes di siasat di Seremban mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.



CHUA